



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG LAMA KEPADA BAHARU DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK UPEN DI PANGSAPURI SRI KIAMBANG, TAMAN TASIK TERATAI, SERENDAH, SELANGOR No. Tender: LPHS/T/K/23/06 No. Fail : LPHS.UPA.400-5/10/29	Kontraktor di <u>Negeri Selangor</u> Dan Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B Pengkhususan: B15 (Kerja Pemasangan Bumbung) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM150.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang hadir Lawatan Tapak)	Tarikh : Rabu 17 Mei 2023 Masa : 11.00 Pagi Tempat : Pejabat Pengurusan Blok B, Pangsapuri Sri Kiambang, Taman Tasik Teratai, Serendah Kehadiran Taklimat adalah <u>Wajib</u> (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 18 Mei 2023 sehingga 13 Jun 2023	14 Jun 2023 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **12 Mei 2023 (Jumaat)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016 - 330 1330 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Tender **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut** semasa membeli dokumen Tender. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Tender hendaklah diserahkan secara ***Hardcopy*** yang telah lengkap diisi **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Tender.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.**

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://pchs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

Tarikh: 12 Mei 2023